



JALAN LEONG YEW KOH, TAMAN TUN DR. ISMAIL, 60000 KUALA LUMPUR

Ruj. Kami : Bil (1) PIBG-2017/150317/YDP

Tarikh : 15 Mac 2017

KEPADA: AHLI PERSATUAN IBUBAPA DAN GURU-GURU SMKTTDI

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Ybhg Tan Sri/Puan Sri/Dato Sri/ Dato/ Datin/ Tuan/ Puan,

KATA-KATA ALUAN YANG DIPERTUA PERSATUAN IBU BAPA DAN GURU-GURU (PIBG) SMKTTDI SESI 2017/2018

Terlebih dahulu ingin saya menzahirkan rasa kesyukuran kehadiran Illahi, kerana dapat saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada ibu bapa, penjaga dan guru-guru di atas kehadiran di Mesyuarat Agung PIBG SMKTTDI kali ke-37 pada Sabtu, 25 Februari 2017.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua kerana telah memberi kepercayaan kepada barisan AJK PIBG yang baru bagi merancang dan melaksanakan program dan aktiviti di SMKTTDI dimasa hadapan. InsyaAllah, dengan sokongan padu dari ibu bapa dan pihak sekolah, barisan AJK yang terpilih ini akan dapat menjalankan amanah yang telah diberi dan secara langsung dapat memberi impak positif terhadap pembangunan modal insan para pelajar. Untuk pengetahuan semua, barisan AJK PIBG yang telah dilantik adalah seperti berikut:

AJK PIBG

Encik Mafiz bin Seth
Encik Ahamad Khairiri bin Idris
Cik Rusniza binti Mat Hussein
Puan Norazah binti Abdul Aziz
Puan Zurainie binti Mohamad Salleh
Puan Joornita binti Bermawi
Encik Hafrulidzwan bin Mohd Isa
Puan Asmarani binti Ali
Puan Syamsinarwalis binti Aris
Encik Ahmad Razlan bin Muhammad
Encik Mohamed Idham bin Mohamed Kassim

Jawatan

Yang DiPertua
Naib Yang DiPertua
Setiausaha
Penolong Setiausaha
Bendahari
Penolong Bendahari
AJK Ibu Bapa
AJK Ibu Bapa
AJK Ibu Bapa
AJK Ibu Bapa
AJK Ibu Bapa

Puan Maria binti Kamaruddin	AJK Ibu Bapa
Puan Nor Lelawati binti Amin	AJK Ibu Bapa
Puan Samsuriyani binti Ismail	AJK Guru
Puan Zulekha binti Ismail	AJK Guru
Encik Muhamad Faris bin Ismail	AJK Guru
Encik Hanif bin Harun	AJK Guru
Encik Shahrman bin Mokhtar	Juruaudit Dalaman (wakil Ibu Bapa)
Encik Muhamad Fikribillah bin Kamaruzaman	Juruaudit Dalaman (wakil Guru)

Kami telah mengadakan mesyuarat AJK PIBG yang pertama pada 14 Mac 2017. Beberapa program khusus telah dibincangkan dan dikenalpasti untuk dilaksanakan selaras dengan pelan halatuju strategik PIBG 2017 yang telah kita tetapkan bersama pihak pengurusan sekolah di akhir tahun 2016. Bagi memastikan perlaksanaan yang berkesan, kami telah menubuhkan biro-biro tertentu untuk memberi fokus kepada pelan tindakan strategik ini. Saya menjemput ibu bapa untuk menawarkan diri sebagai ahli jawatankuasa kecil kepada Biro PIBG dengan menghubungi terus AJK PIBG seperti dibawah:

Biro	AJK PIBG
Biro Komunikasi & Aduan	<ul style="list-style-type: none"> • Puan Maria binti Kamaruddin (019-2312087) • Encik Hanif bin Harun
Biro Akademik	<ul style="list-style-type: none"> • Puan Asmarani binti Ali (019-7144711) • Puan Joornita binti Bermawi
Biro Sukan & Kokurikulum	<ul style="list-style-type: none"> • Puan Nor Lelawati binti Amin (016-6906412) • Encik Muhamad Fikribillah bin Kamarul Zaman
Biro Keselamatan & Selenggara	<ul style="list-style-type: none"> • Encik Mohamed Idham bin Mohamed Kassim (017-3139362) • Encik Muhamad Faris bin Ismail
Biro Ekonomi & Kebajikan	<ul style="list-style-type: none"> • Encik Ahmad Razlan bin Muhammad (019-2882586) • Puan Norazah binti Abdul Azis
Biro Sahsiah, Disiplin & Kaunseling	<ul style="list-style-type: none"> • Encik Hafrulidzwan bin Mohd Isa (011-15355785) • Puan Zulekha binti Ismail
Biro Pendidikan Khas	<ul style="list-style-type: none"> • Puan Syamsinarwalis binti Aris (012-2706018) • Puan Samsuriyani binti Ismail

Saya menjemput semua ibu bapa dan penjaga untuk mendaftarkan diri sebagai ahli Kumpulan Sokongan IbuBapa (**KSIB**) dengan mengisi borang Sarana secara 'online' yang boleh didapati di laman web sekolah. Dengan penglibatan lebih ramai ibu bapa, saya yakin dan percaya kita akan dapat bergerak bersama pihak sekolah sebagai satu pasukan dalam mencapai hasrat kita untuk menjadikan SMKTTDI sebagai sebuah institusi pendidikan yang gemilang. Harapan kami bagi program-program yang

dilaksanakan ini bukan sahaja dapat meningkatkan prestasi akademik pelajar, malah dapat memastikan kemenjadian sebagai seorang insan yang berguna kepada masyarakat dan negara.


Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada AJK PIBG sesi 2016/2017 terutama semua Penolong Kanan sekolah yang bertindak sebagai ex-officio dan juga kepada Pengetua sekolah, Pn Majidah binti Hashim selaku Penasihat PIBG yang telah banyak memberi sokongan dan kerjasama dalam melaksanakan program sepanjang tahun lepas. Saya berharap, kerjasama erat ini dapat diteruskan lagi bersama AJK baru sesi 2017/2018.

Tuan-tuan dan puan-puan boleh menghubungi mana-mana AJK PIBG, NYDP PIBG Encik Ahamad Khairiri (019-3860605), saya Encik Mafiz Seth (e-mail: mafiz.seth@gmail.com) atau email ke pibgsmktttdi@gmail.com jika memerlukan maklumat tambahan. Saya juga menggalakkan semua Ibu bapa dan penjaga memuat turun aplikasi Sync di dalam telefon pintar masing-masing untuk mendapatkan maklumat dan pengumuman terkini mengenai SMKTTDI.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Yang benar,



MAFIZ SETH
YANG DIPERTUA
PERSATUAN IBU BAPA DAN GURU-GURU
SEKOLAH MENENGAH TAMAN TUN DR ISMAIL
KUALA LUMPUR